

5 FEB 1996

Mahathir - IWK

PENGGUNA PERLU BAYAR PERKHIDMATAN IWK, KATA PM

ALOR SETAR, 5 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pengguna perlu membayar bagi perkhidmatan pembedugan yang disediakan oleh Indah Water Konsortium (IWK).

Perdana Menteri berkata pengguna yang berkemampuan perlu membayar kerana kerajaan tidak dapat lagi menyediakan subsidi seperti dahulu semasa perkhidmatan itu dikendalikan oleh pihak berkuasa tempatan.

"Sekiranya ia (IWK) menyediakan perkhidmatan, ia perlu mengenakan bayaran. Ada beberapa kes dahulu apabila kerajaan beri perkhidmatan, orang tidak bayar," katanya kepada pemberita setibanya di Lapangan terbang Sultan Abdul Halim di sini untuk menghadiri majlis berbuka puasa bersama rakyat di Masjid Al-Aqila di Jitra.

Dr Mahathir berkata bahawa pada masa yang sama, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang mengkaji tindakan IWK mengenakan bayaran kepada perkhidmatan yang tidak wujud.

"Nak kata salah siapa, susah juga. Tetapi ada keadaannya perkhidmatan yang diberikan oleh IWK dan bayaran yang dikenakan nampaknya tidak wajar," kata beliau.

Sebelum ini, terdapat sungutan oleh orang ramai bahawa mereka telah dikenakan bayaran walaupun tidak mendapat perkhidmatan IWK, syarikat yang mengendalikan sistem pembedugan negara mengikut dasar penswastan kerajaan.

Dr Mahathir berkata bahawa hakikatnya sekarang ialah pengguna perlu membayar sekiranya menerima perkhidmatan dan tidak boleh mengharapkan kerajaan menyediakan subsidi.

"Tinggal lagi, kadar bayaran yang dikenakan oleh IWK mesti ikut jenis perkhidmatan yang diberikan," katanya.

Mengenai kadar bayaran yang rendah dan adakalanya tidak dikenakan langsung semasa perkhidmatan pembedugan dikendalikan oleh kerajaan dahulu, beliau berkata bahawa cara perkiraan dahulu tidak begitu tepat.

"Sesetengah tempat dahulu kita bagi banyak perkhidmatan tapi orang bayar sikit...ini kerana cara-cara pembuat perkiraan dahulu tak begitu tepat," katanya.

Semasa ditemui pemberita di Kompleks Pekan Rabu kemudian, Dr Mahathir mencadangkan supaya pihak pengelola kompleks itu membina stor untuk kemudahan para peniaga di situ menyimpan stok barangan mereka.

Katanya stor itu penting memandangkan para peniaga di kompleks itu tidak mempunyai tempat simpanan sehingga memaksa mereka melonggok barangan di kedai masing-masing dan ini menimbulkan pemandangan tidak menarik di kompleks yang baru diubahsuai itu.

"Kompleks sudah elok, cuma cara peniaga menyusun barang yang perlu diperbetulkan. Sekarang kelihatan semak," katanya.

Beliau juga berkata bahawa para peniaga perlu menukar sikap dan kaedah perniagaan mereka kepada konsep yang lebih tersusun dan menarik.

Katanya khidmat nasihat yang diberikan oleh pakar-pakar dari Jepun dan Universiti Utara Malaysia tidak bermakna sekiranya kaedah yang ditunjukkan tidak diamalkan.

Dr Mahathir berkata berniaga cara lama tidak sesuai lagi dengan keadaan sekarang kerana para pembeli memilih tempat yang menarik dan selesa untuk dikunjungi.

"Pembeli yang berada (berwang) tak datang sini, cuma yang kurang berkemampuan. Tetapi kalau jual barang kepada orang yang tak mampu, kita

tak dapat keuntungan yang banyak," katanya. -- LAGI